



27 Disember 2021
27 December 2021
P.U. (A) 477

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2013 (PINDAAN) 2021

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) 2013
(AMENDMENT) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2013 (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2013 (Pindaan) 2021.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2013 [P.U. (A) 28/2013], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 2(1)—

(a) dalam takrif “bangunan”, dengan menggantikan perkataan “suatu” dengan perkataan “mana-mana”; dan

(b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “pelupusan”, dengan menggantikan perkataan “layanan” dengan perkataan “penarikan balik”.

Pindaan perenggan 4

3. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—

(a) dalam subsubperenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “2022” dengan perkataan “2025”; dan

(b) dalam subperenggan (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “perniagaan” perkataan “atau aktiviti”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “3(1)(a)” dengan perkataan “4(1)(a)”.

Pindaan perenggan 5

4. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 5 dengan perenggan yang berikut:

“5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), bagi maksud Perintah ini, Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pemajuan Harta) 2007 [P.U.(A) 277/2007] hendaklah terpakai kepada pendapatan pemaju yang diluluskan yang diperoleh daripada perniagaan yang disebut dalam subsubperenggan 4(1)(a).

(2) Peraturan 6 Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pemajuan Harta) 2007 tidak terpakai kepada pendapatan pemaju yang diluluskan yang diperoleh daripada perniagaan yang disebut dalam subsubperenggan 4(1)(a) yang menjalankan projek pemajuan harta menggunakan kaedah bina kemudian jual.”.

Pindaan perenggan 6

5. Perenggan 6 Perintah ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “perenggan 3(1)(a) and (b) dan apa-apa aktiviti atau perniagaan” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “subsubperenggan 4(1)(a) atau (b), dan apa-apa-perniagaan atau aktiviti yang lain”;

- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subperenggan 6(1), dengan menggantikan perkataan “paragraph 3(1)(a) or (b), and other activity or business” dengan perkataan “subsubparagraph 4(1)(a) or (b), and any other business or activity”; dan
- (c) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subperenggan 6(2), dengan menggantikan perkataan “paragraphs 3(1)(a) or (b) and other activity or business” dengan perkataan “subsubparagraph 4(1)(a) or (b), and any other business or activity”.

Pindaan perenggan 8

6. Perintah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan 8, dengan menggantikan perkataan “3(1)(b)” dengan perkataan “4(1)(b)”;
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subperenggan 8(a), dengan menggantikan perkataan “aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1)(b)” dengan perkataan “aktiviti itu yang disebut dalam subsubperenggan 4(1)(b)”;
- (c) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subperenggan 8(a), dengan menggantikan perkataan “that activity referred to in paragraphs 3(1)(b)” dengan perkataan “the activity referred to in subsubparagraph 4(1)(b)”;
- (d) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subperenggan 8(b), dengan menggantikan perkataan “aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1)(b) itu” dengan perkataan “aktiviti itu yang disebut dalam subsubperenggan 4(1)(b)”; dan